

Undang-undang Kerakyatan bagi Negeri-negeri Melayu*



PA yang mula mengubahkan pemandangan saya kepada perkara-perkara yang berkenaan dengan siasah negeri ialah cadangan-cadangan yang berkaitan dengan perkara-perkara siasah yang tersebut di dalam Penyata Jawatankuasa Perhubungan Kaum-kaum itu. Di dalam kenyataannya itu tuan-tuan akan dapati iaitu jawatankuasa itu ada mengingatkan bahawa undang-undang dunia adalah mengaku iaitu tiap-tiap sebuah negeri berhak mengadakan undang-undangnya menentukan siapa yang diterimanya menjadi rakyat itu. Akan tetapi sekiranya tidak ada undang-undang yang bertulis maka undang-undang dunia itu terpakailah dengan sebab tidak ada dapat ditentukan dengan tepatnya di dalam undang-undang negeri itu siapa yang menjadi rakyat negeri itu.

Pada hari ini orang yang diperanakkan di Pulau Pinang dan Melaka itu kesemuanya boleh mengaku dirinya rakyat British oleh kerana kerajaan British itu ada undang-undangnya yang bertulis yang dikatakan 'British Nationality Act' yang diluluskan pada tahun 1948—bukannya bermakna tidak ada undang-undang terlebih dahulu, sekadarnya undang-undang yang akhirnya yang diperbuat.

Tetapi di dalam negeri-negeri Melayu tidak ada undang-undang yang seumpama itu yang menentukan siapa dia rakyat raja atau rakyat itu melainkan kita mengambil faham sahaja mengatakan diri saya ini rakyat Johor, Tengku itu rakyat Negeri Sembilan dan tuan rakyat negeri di mana tuan diperanakkan. Kita mengambil faham tetapi tidak ada undang-undang yang sah menentukan demikian itu. Maka jika sekiranya tidak ada undang-undang yang seumpama itu,

* Ucapan di Majlis Mesyuarat Agung UMNO Tergempar di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada 20 dan 21 Mei 1950.

maka terpakailah undang-undang dunia itu sebagaimana pada tahun 1932, seorang Cina Peranakan Negeri Sembilan telah dibicarakan di dalam mahkamah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada waktu itu dan mahkamah itu telah dapati iaitu kerana tidak ada undang-undang yang menentukan dengan tepatnya siapa rakyat negeri itu maka dipakainya undang-undang dunia itu, dan disahkan Cina itu peranakan, dan iaitu menjadi rakyat Negeri Sembilan.

Pada tahun 1938, kerajaan Johor telah nampakkan kekurangan itu dan telah mengangkat sebuah jawatankuasa, saya seorang daripada ahlinya, supaya membuat satu undang-undang menentukan siapa yang dikatakan rakyat Johor. Oleh kerana ada tersebut di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor, undang-undang yang diperbuat pada tahun 1895, ada disebut mengatakan rakyat Johor tetapi tidak ditentukan siapa dan bagaimana caranya seseorang itu menjadi rakyat Johor. Pada tahun 1941, setelah jawatankuasa itu siap pekerjaannya maka undang-undang yang dicadangkan oleh kerajaan Johor itu telah dilahirkan di dalam Warta Kerajaannya. Akan tetapi oleh kerana hal-hal yang bersangkutan dengan perkawalan negeri disebabkan oleh peperangan dunia maka undang-undang itu tidak sempat dibawa kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan itu. Akan tetapi masih ada lagi dilahirkan di dalam Warta Kerajaan Johor pada bulan Jun atau Julai tahun 1941.

Syarat-syarat di dalam undang-undang yang dicadangkan itu sangatlah luasnya. Saya percaya kalau saya sebutkan di sini harus juga ada orang yang boleh menjadi pengsan oleh sebab dicadangkan di dalam undang-undang itu iaitu barang siapa peranakan di dalam negeri Johor atau barang siapa yang diperanakkan di luar negeri Johor dengan syarat bapanya peranakan Johor dan sudah pun menjadi rakyat Johor, adalah diterima menjadi rakyat Johor dengan seterusnya tidak ada bersoal jawab lagi. Faedahnya yang diperolehi oleh seseorang rakyat Johor yang dicadangkan itu, adalah mempunyai segala hak-hak, kuasa-kuasa dan kelebihan, sama ada di dalam perkara agama atau lain-lain dan juga terpikul dan bertanggung di atas seseorang rakyat Johor yang dicadangkan itu apa jua tanggungan yang diletakkan di atas seseorang rakyat negeri.

Saya telah berkata tadi iaitu sekiranya tidak ada sesebuah negeri itu menentukan undang-undangnya, menetapkan rakyatnya maka terpakailah undang-undang dunia yang dikatakan jus soli atau undang-undang tanah air, atau dengan lebih terangnya undang-

undang yang mengatakan barang siapa yang diperanakkan di dalam sebuah negeri maka orang itu menjadilah rakyat negeri itu.

Akan tetapi pula barangkali ada juga nanti siapa menunjukkan kepada saya bagaimana dikatakan negeri-negeri Melayu itu tidak ada mempunyai undang-undang yang bertulis berkenaan dengan menentukan siapa rakyatnya oleh kerana bukannya ada di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan tiap-tiap sebuah negeri Melayu pada hari ini, tidakkah ada tafsir di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan itu dan juga di dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu menentukan siapa yang dikatakan rakyat raja itu sebenarnya? Tetapi cuba kita periksa dengan lebih halus di dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu apa yang kita dapati di situ iaitu pada Fasal 124(3) berkenaan dengan menentukan siapa yang dikatakan rakyat raja itu boleh menjadi *Federal Citizen*. Maka di situ ada dihuraikan iaitu bagi maksud dan kehendak Fasal 124 di dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu kerana maksud dan kehendak fasal itu sahaja tidak boleh dilarikan tafsir atau huraian itu kepada sebarang perkara yang lain hanyalah menepati kepada kehendak, maksud dan kegunaan Fasal 124 (*for purpose of the Clause*) kata dia. Itu sahaja maka dihuraikan dan ditentukan siapa dia yang dikatakan rakyat raja yang boleh menjadi *Federal Citizen* dengan seterusnya.

Begitulah juga di dalam undang-undang tiap-tiap sebuah negeri Johor, Kedah, Kelantan, Pahang, Terengganu, Perlis, kesemuanya kita akan dapati di dalam huraian sesuatu undang-undang pertubuhan sesebuah kerajaan negeri Melayu itu ada disebut di situ Rakyat Duli Yang Maha Mulia, katanya. Tetapi rakyat Duli Yang Maha Mulia itu yang ditafsirkan, dihuraian dan ditentukan di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan itu, hanyalah menepati kepada beberapa fasal di dalam sesuatu undang-undang itu, iaitu hendak menentukan siapa dia yang dikatakan rakyat raja Kedah yang boleh diterima menjadi ahli di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Kedah itu, kerana itu sahaja. Begitu juga di dalam fasal yang lain siapa dia rakyat Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah itu yang boleh diturunkan daripada tempatnya di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Kedah itu dengan sebab ada melakukan suatu perbuatan yang menyalahi daripada seorang rakyat kerana maksud itu. Kerana kehendak itu dan kerana kegunaan itu maka ada dihuraikan siapa yang dikatakan rakyat raja itu. Tetapi umpamanya pula bagaimana saya dapat faham di negeri Pahang berkenaan dengan undang-undang atau berkenaan dengan

hadiah pelajaran maka dikatakan iaitu hadiah pelajaran itu terbuka kepada barang siapa rakyat Pahang atau rakyat Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Tafsir, huraian, yang ada di dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dan juga di dalam Undang-undang Tubuh kerajaan Pahang itu, tidak boleh digunakan berkenaan dengan hadiah pelajaran itu. Jadi dengan apa caranya kita hendak menentukan siapa dia rakyat Pahang atau rakyat Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang itu?

Di sini akan nampaknya bagaimana mustahaknya tiap-tiap sebuah negeri Melayu itu mengadakan suatu Undang-undang Kerakyatan negeri itu, menentukan siapa yang dikatakan rakyat negeri itu oleh kerana selagi tidak ada undang-undang yang semacam itu maka pada hari ini ada beratus ribu orang daripada keturunan atau yang datangnya dari Indonesia tetapi yang sudah mengaku duduk dan berkehendak duduk di sini selamanya tidak boleh diakui menjadi rakyat negeri kita ini. Begitukah kehendak dan tujuan orang Melayu? Saya sendiri tidak faham.

Satu perkara lagi berkenaan dengan cadangan ini, cadangan yang nampaknya telah dilawan oleh satu pihak orang Melayu sendiri, tidak sedarkan iaitu dengan mengesyorkan supaya tiap-tiap sebuah negeri Melayu itu mengadakan undang-undang rakyatnya, tidak sedarkan iaitu satu pengakuan daripada Jawatankuasa Perhubungan Kaum-kaum bahawasanya tiap-tiap negeri Melayu itu ialah negeri Melayu yang beraja, yang berkerajaan, dan dari itu berhak mempunyai rakyatnya. Itu satu akuan yang kuat, akuan yang telah diakui, dipersetujukan oleh ahli-ahli daripada lain kaum yang ada di dalam Jawatankuasa Perhubungan itu.

Ini bukannya menunjukkan satu ikhtiar bagaimana hendak menguatkan lagi pendirian negeri-negeri Melayu itu, hendak menguatkan lagi pendirian Raja-raja Melayu itu, hendak menentukan pendirian rakyat negeri-negeri Melayu itu.

Sekiranya diambil bagaimana fahaman saya, iaitu dengan sebab tidak ada undang-undang dalam negeri maka terpakailah undang-undang dunia itu. Pada hari ini, adalah 1.2 juta orang daripada baka Cina, 270 000 orang daripada baka India dan lebih kurang 45 000 orang daripada lain-lain kaum yang boleh menuntut dirinya, sama ada menjadi rakyat British ataupun rakyat seorang daripada Raja-raja Melayu dengan sebab diperanakkan di dalam Persekutuan Tanah Melayu ini.

Barangkali ada juga wakil-wakil yang tidak tahu ataupun terlupa iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang telah meluluskan suatu undang-undang yang dikatakan *F.M.S. Naturalisation Enactment*, menentukan siapa orang yang diterima dengan permintaannya yang boleh diterima menjadi rakyat pada seorang daripada empat orang raja itu. Apa syaratnya? Syaratnya berkata sesiapa jua yang bukannya seterusnya menjadi rakyat Raja pada sesebuah negeri Bersekutu itu yang telah mendiami di dalam negeri itu, katakan negeri Selangor ini, selama tidak kurang daripada lima tahun, boleh memohon kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di dalam mesyuaratnya, supaya dikurniakan kepadanya taraf menjadi rakyat Selangor. Apakah faedah yang didapatnya daripada menjadi rakyat Selangor dengan permintaan yang semacam itu, bukan dengan seterusnya? Di dalam undang-undang itu adalah dikatakan barang siapa yang diterima menjadi rakyat, umpamanya di Selangor ini dengan permohonannya maka orang itu adalah disifatkan serupa dengan seseorang yang memang seterusnya menjadi rakyat Selangor dan terhaklah kepada orang itu segala hak kebebasan dan kebolehan yang dipunyai oleh rakyat Selangor itu, melainkan ada khas disebut dan dibutirkan di dalam surat akuannya itu, surat akuan menerimanya menjadi rakyat Selangor itu, ada khas diisyaratkan apa-apa di dalamnya.

Saya menerangkan hal-hal ini supaya tuan-tuan semua dapat menimbang dengan mengetahui bagaimana yang saya sedari, pada pagi ini berkehendak juga berkata mustahak diluluskan undang-undang di dalam tiap-tiap negeri Melayu menentukan siapanya itu rakyat raja Melayu. Fikiran yang seumpama ini bukannya satu fikiran yang ganjil atau satu perbuatan bagaimana yang disangkakan, dihantu-hantukan oleh cerdik pandai, mengatakan bangsa Melayu akan hapus hilang jika dijadikan rakyat negeri-negeri Melayu.

Janganlah ada sesiapa, sama ada di sini atau di mana-mana di dalam Persekutuan Tanah Melayu ini yang berkehendak memperdayakan dirinya sendiri, dengan berfikir, iaitu tidak mustahak berikhtiar supaya dapat kita satukan perasaan kasih sayang terhadap kepada negeri kita ini atau yang berkehendak memperdayakan dirinya, dengan berfikir-fikir iaitu boleh didirikan sebuah kerajaan yang merdeka di dalam Persekutuan Tanah Melayu ini dengan adanya di dalam negeri kita ini puak-puak yang berpecah-pecahan, puak-puak

yang sedia dan berkehendak berlaga-laga dan berlawan-lawanan di antara satu dengan lain. Janganlah ada sesiapa yang berkehendak memperdayakan dirinya dengan fikiran yang seumpama itu oleh kerana, lihat sendiri apa yang berlaku di dalam beberapa buah negeri yang sudah pun mendirikan kerajaan yang disangkakannya mereka merdeka akan tetapi oleh sebab tidak dapat menyatukan umat di dalam negerinya itu maka pada hari ini kerajaan yang dikatakan merdeka itu bersusah payah hendak menjalankan pemerintahannya.

Ucapan Dato' Onn ini adalah sebagai menjawab serangan-serangan oleh kumpulan-kumpulan yang menentang syarat-syarat kerakyatan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Perhubungan Kaum. Antaranya Persatuan Pelajar-pelajar Tinggi Melayu atau *The Malay Graduates Association*.